

29/08/1997

Sanusi sedia disoal siasat

SINTOK, Khamis - Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid bersedia disiasat berhubung laporan polis oleh Dewan Pemuda Pas Kedah mengenai kenyataannya yang dikatakan bertujuan menimbulkan kekacauan.

Menurutnya, beliau berbuat demikian kerana berpendapat kenyataan berkenaan tidak bertujuan mencetuskan kekacauan, sebaliknya sebagai amaran kepada Pas supaya tidak menimbulkan kekacauan.

Sanusi berkata, tiada mufti yang menuduh pemimpin negara, khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai murtad kerana menegur tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) terhadap tiga gadis Islam yang menyertai pertandingan ratu cantik.

Bagaimanapun, ada penulis yang memutarbelitkan kenyataan Mufti Selangor, Datuk Ishak Baharom sehingga menyebabkan seolah-olah mufti terbabit menuduh pemimpin negara sebagai murtad.

"Tiada mufti berkata apa-apa mengenai murtad tetapi ada penulis menggambarkan perkara itu... orang yang berada di belakang penulisan itu berniat jahat.

"Jadi, saya memberi amaran kepada mereka... anda tidak boleh kata orang yang memberikan amaran sebagai pencetus masalah kerana pencetus masalah yang sebenarnya ialah mereka yang berniat jahat untuk mencetuskan kekacauan," katanya selepas melancarkan Perayaan 40 Tahun Kemerdekaan di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini hari ini.

Program disertai 1,000 penuntut UUM disambut dengan pelbagai acara, termasuk perbarisan, pentomin, deklamasi sajak dan koir. Turut hadir ialah Naib Canselor UUM, Datuk Dr Shamsuddin Kassim.

Ditanya sama ada polis sudah menghubungi beliau, Sanusi berkata: "Belum...saya lebih gemar menghubungi polis, bukan polis menghubungi saya."

Pada 21 Ogos lalu, Ketua Dewan Pemuda Pas Kedah, Mahfuz Omar dan dua ahli lain, Zulkifli Che Harun, 29, dan Shafie Mat, 62, membuat laporan polis.

(END)